

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci bilangan pemohon-pemohon yang sedang di pertimbangkan oleh Kementerian dalam permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Malaysia setakat 30 September 2021. Nyatakan sebab kelewatan permohonan tersebut diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2017 sehingga 30 September 2021, sebanyak **16,950 permohonan** di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diterima.

Setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti secara terperinci tertakluk kepada fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan serta ia diproses mengikut giliran yang sewajarnya sebelum sebarang keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan dan fakta kes. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk memudahcara permohonan berkenaan selagi ia selaras dengan perundangan yang berkuatkuasa